

Perselisihan faham tidak bunuh karier politik saya – PM

Um- 15/10/2006

KUALA LUMPUR 14 Okt. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menafikan bahawa perselisihan pendapatnya dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan mewujudkan keadaan yang mampu ‘membunuh karier politiknya’.

Menurut Perdana Menteri, meskipun memilih untuk berdiam diri apabila berhadapan dengan kritikan Dr. Mahathir terhadap diri dan pentadbirannya, beliau masih meneruskan kerja dan mendapat sokongan majoriti rakyat.

Bagaimanapun, katanya, ini tidak bermakna beliau tidak mengendahkan langsung pendapat Dr. Mahathir tetapi memilih untuk hanya melakukan penyesuaian perlu.

“Sudah tentu saya mengetahui apa yang beliau katakan. Jika beliau berjumpa dengan media, saya akan membaca tentangnya.

“Jika saya melakukan sesuatu saya akan meneruskannya dan sesetengah kritiknya, jika ia relevan, saya akan membuat penyesuaian.

“Dan sesetengahnya, saya tidak boleh terima,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai hubungannya dengan Dr. Mahathir yang banyak mendapat perhatian media sejak kebelakangan ini.

Beliau ditanya sama ada ‘perbalahan pendapat’ mereka itu akan menjejaskan karier politiknya kerana perasaan hormat rakyat ke atas Dr. Mahathir dan sama ada beliau memilih untuk tidak mengendahkan pendapat serta kritikan yang diutarakan oleh Dr. Mahathir.

Abdullah menjelaskan, dalam hal ini, dakwaan Dr. Mahathir bahawa beliau memilih

untuk menarik balik banyak projek dimulakannya adalah tidak benar sama sekali.

“Tidak, Wawasan 2020, pencapaian terbesar beliau, itu sasaran saya juga.

“Itu kita kongsi, saya berkongsi wawasan tersebut,” tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, bagi mencapai usaha tersebut, beliau telah mewujudkan apa yang dipanggil Misi Nasional, suatu misi amat besar dan komprehensif.

“Pelan saya bukan setakat untuk Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sahaja tetapi ia adalah bagi RMK-9, RMK-10 dan RMK-11,” ujarnya.

Bercakap mengenai keputusan beliau menarik balik projek ‘kesayangan’ Dr. Mahathir yang diusahakan bertahun-tahun lamanya, iaitu pembinaan jambatan indah ke Singapura, Abdullah berkata, ia dibuat atas dasar

praktikal dan mengambil kira kepentingannya kepada negara.

Keputusan itu, katanya, dibuat oleh beliau dengan persetujuan Kabinet setelah menimbangkan sebab-sebab tersebut.

“Kami amat praktikal dalam pendekatan kami dan jambatan itu tidak ada kena-mengena dengan hidup atau matinya Malaysia.

“Ia tidak ada kena-mengena dengan isu integriti. Ia merupakan isu amat praktikal dan atas sebab itu kami setuju tidak akan membina jambatan itu,” katanya.

Tegas beliau, kerajaan Malaysia boleh melakukan perkara-perkara lain untuk membangunkan Malaysia.

Katanya, kerenggangan hubungan mereka bermula ekoran ketidaksetujuan Dr. Mahathir dengan beberapa perkara yang telah dilakukan dalam pentadbirannya.